

## **BAB EMPAT**

### **KRISIS-KRISIS YANG BERLAKU DALAM PERKEMBANGAN PERADABAN CINA**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Daripada hujah-hujah di bawah, pembaca-pembaca akan mendapati kebanyakan isi kandungan dalam bahagian ini terdiri daripada kritikan-kritikan dan gambaran negatif terhadap Gerakan 4 Mei, terutamanya golongan orang Cina yang berpendidikan. Barangkali penghuraian kelihatan mengheboh-hebohkan dilema dan kepedihan yang dihadapi oleh intelektual-intelektual semasa Gerakan 4 Mei. Kononnya, Gerakan 4 Mei telah menemui masalah-masalah yang sulit dan rumit, manakala intelektual-intelektual baru pada zaman itu tidak mampu menghulurkan laba yang bermanfaat terhadap peradaban Cina moden. Malah, tindak balas mereka didapati begitu lemah dan tumpul.

Sebenarnya, walaupun orang-orang Cina terperangkap dalam kemosyikilan dan kegendalaan dalam proses kebangkitan peradaban semula, tetapi apa yang pasti diakui adalah ikhtiar mereka telah membuka satu lembaran baru kepada peradaban Cina. Dengan tidak menebus rasa bersalah, orang-orang Cina memang memberikan sahutan yang munasabah ketika dihempap oleh serangan peradaban Barat. Memandangkan batasan-batasan seperti masalah penyaluran pengetahuan dan kekurangan sumber pengetahuan pada zaman itu, gerakan tersebut diselari komen-komen yang negatif. Akan tetapi ia turut disimpati oleh penganalisis-penganalisis dengan bahawa orang-orang Cina pada masa itu telah memberikan sumbangan mereka yang bermakna terhadap peradaban

Cina yang berada dalam kancah perang, dan pertaruhan usaha mereka telah merintis satu jalan yang terbuka kepada generasi seterusnya. Tetapi, untuk menyediakan gambaran dan analisa yang bermakna kepada sesuatu usaha yang hendak menyelesaikan masalah peradaban, disertasi ini akan menumpukan hujah-hujah pada skop dilema peradaban Cina moden. Dengan lebih teliti lagi, peninjauan ke atas dilema intelektual-intelektual dan keintelektualan adalah sasaran utama penghuraian.

#### **4.2 MASALAH ORIENTASI**

Masalah yang pertama dan paling asas ditemui oleh orang-orang Cina ialah soal peranan yang dimainkan oleh seseorang yang berpendidikan pada zaman yang berjejak di simpang perjalanan. Perbezaan saripati nasionalisme golongan intelektual Cina adalah satu tradisi yang terwujud dengan jelasnya selepas saranan Dong Zhongshu semasa Dinasti Han yang beranggapan kestabilan dan kemajuan mesti dibentukkan pada asas peradaban yang kukuh. Hal ini telah diterangkan sebelum petikan ini.

Sistem pemerintahan imperial Cina telah berkekalan sehingga tahun 1919 yang berakhir dengan Dinasti Qing, dan keadaan ini diiringi dengan peranan intelektual yang tidak pernah berganjak. Peranannya barulah dipersoalkan secara tersurat dan tersirat selepas keruntuhan sistem imperial. Dalam tempoh ini, negara China bukan sahaja mengalaminya revolusi bagi sistem pemerintahan, malah sistem ekonomi dan sistem kemasyarakatan juga tidak dapat dielakkan. Keadaan ini berbeza dengan revolusi yang berlaku di Eropah yang hanya sistem pemerintahan menghadapi perubahan, namun ia sedikit sebanyak mempengaruhi sistem ekonomi dan struktur masyarakat, tetapi kesemua

ini diadakan dalam cakupan peradaban itu sendiri.<sup>85</sup> Di sebaliknya, sejarah Cina moden telah tercatat dengan satu perubahan menyeluruh yang mendalam. Justeru itu, perubahan yang mendadak ini menyebabkan pejuang-pejuang negara China bingung dengan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh mereka. Walaupun mereka bertungkus lumus untuk metafsir semula fungsi mereka masing-masing, keruntuhan *universal imperialism* telah menghancurkan ideologi yang mereka terikut-ikut selama dua ribu tahun. Mereka menemui satu krisis orientasi.<sup>86</sup> Krisis orientasi intelektual ini termasuk ketidaktetapan nilai hidup, masalah pengakuan bangsa, dan makna kehidupan akhiran pada hakikatnya.<sup>87</sup> Mereka meragu-ragui jenis ikhtiar yang perlu disumbangkan dan batasan yang harus dituruti seketika menyumbang kepada semua aspek kehidupan seperti politik, kebudayaan, sosial dan lain-lain. Umpamanya, selepas berjaya menentang beberapa penyelewengan kerajaan lama, semangat pelajar-pelajar semakin berapi-api hendak memulihkan keadaan negara China. Lantarannya, Hu Shi telah mengecam Gerakan Pemodenan Peradaban Cina yang telah bertukar hala menjadi suatu gerakan politik. Sesungguhnya, bantahan Hu adalah tidak sejajar kerana sejak dari permulaan gerakan peradaban telah tertampal dengan unsur politik. Walaupun matlamat asas gerakan peradaban adalah untuk menyedarkan rakyat, tujuan terakhir gerakan tersebut adalah untuk menguatkan negara. Hu Shi memetik nasihat Ibsen yang berbunyi, “Seseorang itu perlu meningkatkan kebolehan sendiri sekiranya dia mahu berjasa kepada masyarakat.” Ini bermaksud pencapaian seseorang individu adalah terutamanya bertujuan untuk

---

<sup>85</sup>John King Fairbank, *The Great Chinese Revolution*, diterjemahkan oleh Liu Zunqi (Beijing: Shijie Zhishi Chubanshe, 2000), hlm. 49.

<sup>86</sup>Yu Yingshi, *Wusi Xinhun* (Perbincangan Baru Tentang Gerakan 4 Mei) (Taipei: Lianchu Chubanshe, 1999), hlm. 43.

<sup>87</sup>Yu Yingshi, *Wusi Xinhun* (Perbincangan Baru Tentang Gerakan 4 Mei), hlm. 44.

berbakti kepada negara.<sup>88</sup> Mereka tidak terlepas daripada belenggu pemikiran tradisional “saya memikul tanggungjawab negara” (*yi tian xia wei ji ren*). Beliau menerangkan bantahan Ibsen terhadap tradisi yang tetap mematuhi peraturan, kepercayaan dan prinsip-prinsip moral. Oleh sebab itu, namun Hu Shi menasihati orang-orang Cina agar cuba mengelakkan dirinya daripada tercebur ke dalam hal ehwal politik secara langsung, tetapi nasihat beliau tidak dapat diterima oleh sekumpulan orang Cina sedangkan mereka tidak dapat meyakinkan diri mereka semasa berhadapan dengan politik. Dalam hal ini, Hu Shi juga berselisih dengan Chen Duxiu dan menyebabkan mereka gagal daripada berganding bahu melakukan kritikan ke atas perkembangan semasa. Chen Duxiu berpendapat seseorang yang bertanggungjawab mesti menyumbang ilmu yang diketahui olehnya agar berfaedah kepada kerajaan. Orang-orang Cina dahulu adalah dikenali sebagai haiwan politik “political animal.”<sup>89</sup> Oleh itu, kebanyakan daripada mereka tidak dapat bersetuju dengan pendapat Hu Shi yang mendiamkan diri daripada masalah politik.

Kekecewaan ini dapat dirasai melalui perasaan Lu Xun. Beliau menyindiri bahawa beliau pernah melihat Revolusi 1911, revolusi kedua, percubaan untuk membina semula imperialism oleh Yuan Shikai, dan percubaan dalam pemulihan Dinasti Manchu oleh Chang Hsun. Semua ini telah menyebabkan beliau lebih bersikap sinis. Oleh itu, beliau telah berputus asa, dan kehilangan akal keseluruhannya.<sup>90</sup> Kepedihan Lu Xun telah memaparkan kelemahan orang-orang Cina semasa, terutamanya golongan intelektual yang lemah lembut semasa berhadapan dengan pancaroba politik. Tang Yijie seorang

---

<sup>88</sup>Elisabeth Eide, *China's Ibsen: From Ibsen to Ibsenism*, hlm. 53.

<sup>89</sup>John King Fairbank, *The Great Chinese Revolution*, diterjemahkan oleh Liu Zunqi, hlm. 224.

<sup>90</sup>Lin Yusheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Anti-Traditionalism in the May Fourth Era* (London: The University Of Wisconsin Press, 1979), hlm. 115.

sanjana kontemporari mengatakan pemimpin-pemimpin Gerakan 4 Mei terpaksa bertoleransi dengan politik kerana mereka tidak berupaya menanggung pelbagai kewajiban yang melibatkan usaha menyedarkan masyarakat, menyelamatkan negara dan memenuhi segala keperluan politik.<sup>91</sup> Dalam petikan “Jalan Durjana Saya,” Hu Shi mengatakan beliau tidak akan mempedulikan politik dan tidak akan menceburi politik.<sup>92</sup> Di sinilah peranan dan kewajiban *shí* tradisi yang telah dinafikan pada zaman moden. Ini mungkin adalah akibat kepercayaan beliau terhadap pragmatisme dan keputusan ini telah menunjukkan kekurangan pemimpin-pemimpin gerakan dalam persoalan politik dan negara.

Keadaan ini menjadi lebih serius apabila peperiksaan kerajaan telah dibubarkan pada tahun 1905, ini menyebabkan orang-orang berpendidikan kehilangan cita-cita yang jelas. Keadaan yang tanpa institusi pendidikan yang sempurna telah memaksa kerajaan Cina mengadakan sekolah berbentuk Barat pada tahun 1922. Sesiapa yang membantingkan tulang hendak menjadi ahli pentadbiran melalui peperiksaan tersebut terhancur cita-citanya secara tiba-tiba. Mereka tidak jelas dengan tujuan pembelajaran mereka, sama ada belajar demi belajar semata-mata ataupun belajar demi kehidupan dan masyarakat menjadi persoalan yang ternyata pula. Soalan seperti kemestian kegiatan akademik bebas daripada pengaruh sosial telah menjadi satu persoalan yang berkaitan dengan krisis ideologi yang rumit.<sup>93</sup>

---

<sup>91</sup>Gu Xin, *Zhongguo Qimeng Lishi Tujing* (Imej Sejarah Kesedaran Cina), hlm. 192.

<sup>92</sup>Hu Shi, *Hu Shi Zuopin Ji* 9 (Koleksi Hu Shi Kesembilan), hlm. 64-69.

<sup>93</sup>Gu Xin, *Zhongguo Qimeng Lishi Tujing* (Imej Sejarah Kesedaran Cina), hlm. 191-192.

Kemungkinan, dalam sejarah Cina, intelektual telah berkembang menjadi *intelligentsia* yang kebanyakan daripada mereka menjauhkan diri (alienated) daripada kedudukan politik. Ini telah memedaskan hati para pejuang negara yang dapat difahami daripada karya-karya penulisan mereka. Yu Dafu (1896-1945) merupakan satu contoh yang dapat menambat hati pembaca. Daripada suatu petikan prakata penulisannya, beliau telah meluahkan kegundahan hatinya sehingga berniat membunuh diri kerana tiada jalan yang jelas kepada beliau supaya menyumbang kepada negara.

Sejak musim sejuk yang lalu, emosi saya telah menderita dengan kemuraman yang berpanjangan. Saya telah menyembunyikan idea untuk menjadi seorang pekerja di Rusia, tetapi saya telah dihentikan oleh abang saya di Beijing. Saya juga memeluk idea nihilisme semasa merayau di tepi pantai sungai Yangzi, untuk membunuh diri, tetapi isteri saya yang sebagai pengikut dan tanpa kefahaman telah menasihati saya supaya tidak berbuat demikian. Hari itu—hari Perayaan Musim Bunga—selepas saya menghantar isteri saya ke Zhejiang, saya menentukan supaya hendak makan besar dan minum sehingga mabuk pada malam yang bersinaran cahaya bulan, kemudian membunuh diri. Tetapi beberapa kawan cuba memerangkap mereka sendiri dengan merayu saya supaya menunggu sebentar lagi. Saya telah menunggu selama setengah tahun, dan kini perasaan menderita saya adalah sama dengan keadaan setengah tahun yang lalu. Tinggal dalam dunia ini, seseorang harus melakukan sesuatu. Tetapi, seseorang yang berlebihan seperti saya, dikembirikan oleh pedidikan moden, apa yang boleh saya lakukan?<sup>94</sup>

Kemungkinan ini adalah pertama kali dalam sejarah Cina, golongan intelektual Cina telah menunjukkan ciri-ciri seseorang *intelligentsia*, sesungguhnya kebanyakan daripada mereka adalah jauh daripada kedudukan berkuasa politik.<sup>95</sup>

<sup>94</sup>Yu Dafu, *Yu Dafu Yanjiu Ziliao* (Maklumat Pengajian Yu Dafu) diterbit oleh Chen Huangmei, (Tianjin: Tianjin Renmin Chubanshe, 1982), jilid pertama, hlm. 186.

<sup>95</sup>*The Romantic temper of May Fourth* tulisan oleh Leo Oufan Lee dipetik daripada buku yang ditulis oleh Benjamin I. Schwartz, *Reflections on the May Fourth Movement* (Cambridge: Harvard Universiti Press, 1973), hlm. 72.

#### **4.3 SOAL JATI DIRI ORANG-ORANG CINA DALAM PERKEMBANGAN PERADABAN CINA**

Seperti yang dikatakan, peranan seseorang rakyat Cina terhadap peradaban mereka adalah jelas dan telah menjadi suatu tradisi yang lazim diterima oleh seseorang. Seketika peranan menjadi tradisi, maka daripada peranan mereka dapat meninjau jati diri mereka tanpa sebarang keraguan. Seseorang rakyat Cina yang berguna mereka haruslah berjasa kepada tanah air dan menunjukkan sikap yang iman kepada mereka diri sendiri juga. Mereka mendokong peranan ini selama berabad-abad sehingga jati diri mereka masih dapat dikenalkan daripada bayang-bayang peranan mereka yang kabur terhadap perkembangan peradaban. Perkara ini berlanjutan sehingga gegaran peranan akibat hentaman penjajahan Barat yang menimbulkan keadaan tergesa-gesa oleh sebab kelunturan jati diri yang diamalkan beribu-ribu tahun yang lalu.

Kekaburuan fungsi dan masalah kebolehan seseorang yang berpendidikan adalah disebabkan oleh ketidakpastian peranan seseorang pencinta negara. Sebelum keperluan sesuatu sumbangan dipersoalkan, orientasi orang-orang Cina terutamanya peranan golongan intelektual patut dijelaskan terlebih dahulu. Akan tetapi, jelasnya mereka tidak mampu menonjolkan satu orientasi peranan yang kukuh. Sungguhpun mereka mengakui masalah-masalah yang dihadapi oleh negara atau masyarakat merupakan tanggungjawab semula jadi kepada mereka, tetapi dengan apakah identiti yang patut dimainkan tetap sukar menghasilkan suatu konsistensi di antara mereka ataupun diri sendiri seseorang individu, biarkan dari segi amalan atau pemikiran. Masalah ini berpunca daripada pelbagai sebab, selain daripada kesan kontroversi antara tradisional dan moden (yang

terkandung dengan unsur kebaratan) yang ditanggapi oleh orang-orang Cina semasa, kekalutan ideologi Barat yang diterima oleh mereka juga merupakan satu punca utama. Ideologi-ideologi Barat yang diterima akan didapati adalah terdiri pelbagai tafsiran daripada orang-orang Cina semasa. Contohnya, dengan berdasarkan pemikiran individualisme, sesetengah orang berhematan adalah membebaskan diri daripada tanggungjawab masyarakat, dan yang lain pula berpandangan individualisme bermakna seseorang itu mesti mementingkan diri sendiri dahulu supaya berdikari dan berwibawa agar berjasa kepada masyarakat kemudiannya. Oleh itu, meskipun kebanyakan amalan dan pemikiran adalah bertunjangkan kepada sesuatu ideologi tetapi ia meninggalkan banyak krisis kepada orang-orang Cina, terutamanya pemikir-pemikir Cina disebabkan oleh kekurangan fahaman pada ideologi Barat yang diterima.

Seperti negara-negara Timur yang lain pada zaman imperialisme, negara China moden yang menghadapi tempuran daripada peradaban Barat telah memamerkan beberapa reaksi yang umum. Pada amnya, pejuang-pejuang Cina mengimbangi bentrokan ini dengan dua bentuk balasan, iaitu dengan reaksi yang berintikan tradisional dan anti-tradisional secara ekstrim. Kedua-dua tindak balas ini saling terjungkir balik sehingga mereka masing-masing menemui jalan buntu. Walaupun antara kedua-dua balasan ini terselit dengan beberapa reaksi yang lebih sederhana, sepanjang tempoh gerakan ini, kedua-dua golongan tersebut adalah lebih ketara daripada impaknya. Ia meninggalkan rentetan yang kuat ke atas perkembangan sejarah yang seterusnya. Joseph R. Levenson menyatakan bahawa, sejarah Cina moden dapat disimpulkan dengan dua hala proses yang saling bertimbali balik. Di bawah pengaruh Barat, satu ialah ikonoklas (iconoclasts) yang

progresif dan bersungguh-sungguh hendak menghapuskan bahan-bahan tradisional, dan sebaliknya pemegunan tradisi oleh tradisionalis.<sup>96</sup> Bagaimanapun, kedua-dua golongan ini telah berusaha untuk membangunkan peradaban Cina semula supaya setanding dengan Barat, tetapi perjuangan mereka telah terbawa-bawa oleh emosi dan aksi yang kekurangan pemikiran yang wajar.

Golongan tradisional menegaskan bahawa, jika rohani dipisahkan daripada apa yang dahulu, maka ia tidak akan mencapai kualiti bangsa yang hebat. Idea yang perdana ini menunjukkan masyarakat Cina ialah satu entiti organik yang berdasarkan model biologi. Tokoh-tokoh golongan tradisional biasanya beranggapan peradaban Cina akan terselamat dan bermakmur hanya dan jika hanya ia terbina di atas khazanah kebudayaan sosial yang sebagai saripati bangsa. Sesungguhnya mereka tidak berkonservatif secara sosial politik tetapi mereka lebih berkonservatif kepada kebudayaan. Sebagaimana yang diketahui, bangsa Cina adalah lebih diperkenalkan sebagai ‘bangsa budaya.’ Jadi, sarjana-sarjana tradisionalisme ini menjustifikasi bahawa peradaban Cina adalah bertentangan sepenuhnya dengan peradaban Barat. Mereka ghairah membuktikan keunggulan peradaban Cina dan kelemahan peradaban Barat. Mereka mengabui mata mereka sendiri dalam suasana etos yang beremosi itu.

Wakil-wakil kumpulan penentangan terhadap pemodenan semakin tertonjol pada akhiran pemerintahan Dinasti Qing. Sekelompok sarjana yang berkonservatif dalam Universiti Peking terdiri daripada beberapa ahli sekolah sastera Tong Cheng, dan sekolah

---

<sup>96</sup> Joseph R Levenson, *Confucian China and Its Modern Fate*, hlm. XXX.

Wen Xuan. Selepas Revolusi 1911, kebanyakan sarjana-sarjana dari provinsi Jiangsu dan Zhejiang, mereka merupakan pengikut atau sahabat kepada Zhang Bingli, menentang golongan intelektual baru. Pengakuan dalam kesusasteraan lama adalah diketuai oleh Liu Shipei dan disokong oleh Huang Kan, Ling Shu, Gu Hongming, Ma Xulun, dan penyelidik-penyelidik dari Institut Sejarah Cina (*Guo Shi Guan*). Forum publik mereka disalurkan melalui majalah *Majalah Warisan Bangsa (Guogu)*, di mana mereka mengakui bahasa dan corak bentuk kesusasteraan tradisi, Konfusianisme, dan etika lama. Sarjana-sarjana ini mendapat sokongan daripada pelajar-pelajar universiti dan golongan atasan yang konservatif.<sup>97</sup>

Mengikut Kang Youwei, sejak Konfusianisme mendominasi Cina selama dua ribu tahun yang lalu, negara China akan berpecah dan lenyap jika ajarannya ditinggalkan begitu sahaja. Setiap negara mempunyai asas kerohanianya, seperti ajaran Konfusianisme adalah asas kerohanian Cina: “Tiada Konfusianisme, tiada Cina.” Oleh itu, beliau mencadangkan:

- 1) Semua pegawai dari presiden hingga ke majistret tempatan perlu menjalankan upacara pengorbanan kepada Kong Zi pada setiap bulan dan dalam sesuatu perayaan yang penting. Mereka patut “koutou” (menundukkan kepala) pada ikon kesucian.
- 2) Semua pelajar daripada universiti hingga sekolah asasi yang bertahap rendah dimestikan membaca klasik Konfusian. Sekolah-sekolah harus menawarkan pengajian sarjana dan disubsidi oleh kerajaan.
- 3) “Churches” Konfusian harus dibina dan disubsidi oleh kerajaan. Pandangan-pandangan daripada penyokong-penyokong Konfusianisme dibahagikan kepada peringkat-peringkat tertentu. Akan

---

<sup>97</sup> Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 61.

tetapi kesemua yang mengesyorkan Konfusianisme sebagai ajaran terbaik mesti dan harus diterima sebagai kod asas kepada negara.<sup>98</sup>

Cadangan Kang menemui masalah kerana sejak dahulu peradaban Cina tidak terwujud dengan “Universal Church” dan “City of God”. Orang-orang Cina dahulu mementingkan peningkatan rohani tetapi tidak mementingkan soal ketuhanan. Oleh itu, peningkatan kerohanian merupakan usaha individu dan tidak bersangkut dengan hal peribadi orang lain. Maka, dengan ketiadaan gereja sejagat (Universal Church) untuk dijadikan pedoman dan ketiadaan dogma yang bersistem untuk diikuti, malah sesuatu upacara yang bersimbol juga tiada kepentingannya.<sup>99</sup> Walaupun gerakan ini menimbulkan pendebatan yang ganas daripada intelektual-intelektual baru, ia sebaliknya mendapat sokongan yang kuat daripada golongan tradisional. Keyakinan sesetengah golongan tradisional menunjukkan satu arus yang semakin ekstrim ketika gerakan ini dilanjutkan. Umpamanya, Yan Fu (1854-1921) dalam sesetengah pandangannya telah menunjukkan konservatif dan mempunyai sifat yang menolak gerakan pelajar, kesusasteraan baru dan gerakan pemikiran baru. Namun, sebenarnya reformasi yang berlaku dalam 4 Mei oleh intelektual-intelektual muda adalah dicadangkan oleh beliau pada dua puluh tahun dahulu. Pemikiran Yan Fu teranjak kepada penolakan terhadap pengaruh Barat dan berpendapat bahawa negara China akan terselamat jika ia mencungkil balik etika dan peradaban dahulu kala.<sup>100</sup>

<sup>98</sup>Kan Youwei, *Kang Nanhai Xiansheng Wen Ji 2* (Koleksi Esei Kang jilid ke-2) *Kang Nanhai Xiansheng Shiwen Ji* (Koleksi Sajak dan Esei Kang) (Taipei: Wenhui Chubanshe, 1975), jilid 10, hlm. 431-447.

<sup>99</sup>Yu Yingshi, *Zhongguo Chuantong De Xiandai Quanshi* (Pengertian Baru Tradisi Cina) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsji, 1993), hlm. 11.

<sup>100</sup>Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 64.

Walau bagaimanapun, oleh sebab kekurangan sokongan daripada orang ramai terutamanya pemimpin-pemimpin gerakan yang berpengaruh, usaha golongan konservatif tidak membawa hasil yang sewajarnya. Selepas sekian lama itu, tindakan yang diambil oleh mereka bagaikan mencangkul angin dalam penilaian pada masa itu. Ini juga disebabkan propaganda mereka tidak dilancarkan dengan berkesan dan bahan-bahan penerbitan awam mereka tidak disambut dengan baik oleh generasi muda. Antara penulisan mereka yang tertulis dalam ayat-ayat kuno susah difahami oleh pembaca-pembaca termasuk sarjana-sarjana yang terlatih. Keadaan ini banyak berbeza dengan ketua-ketua intelektual baru seperti Chen Duxiu, Lu Xun, Hu Shi dan lain-lain lagi. Karangan mereka senang difahami bahkan ia berpengaruh dan berupaya memupuk semangat generasi muda. Oleh itu, *Majalah Warisan Bangsa* yang diterbit oleh golongan tradisionalisme hanya dapat disalurkan dalam masa yang pendek sahaja.

Tindakan yang sepadan tetapi bertentang dengan tradisionalisme ialah golongan sarjana anti-tradisional. Suara mereka begitu lantang sehingga kelantangannya masih terdengar oleh generasi-generasi selepasnya. Kalau ditinjau semula, tindakan dan pandangan yang sungguh ekstrim dan progresif ini telah dianggapkan sebagai halangan kepada perkembangan peradaban Cina yang unggul itu. Mereka menafikan pemikiran tradisionalisme yang dikatakan formalisme atau abstraksionisme yang membawa kegagalan terhadap pembangunan bangsa.<sup>101</sup> Malangnya, penafian yang total ini turut terserap ke dalam minda yang terpasung dengan formalisme dan abstraksionalisme yang cetek lagi maya. Tanpa pertimbangan yang saksama, mereka menolak segala unsur

---

<sup>101</sup> Lin Yusheng, *Zhongguo Chuantong De Zai Chuangzao Zhuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina), hlm. 154.

tradisional. Dengan penolakan totalistik, satu slogan yang termasyhur, iaitu “runtuhkan tokong Konfusianisme” telah dilaungkan. Golongan anti-tradisionalisme berpandangan bahawa pilihan pemodenan yang tiada berbeza dengan pembaratan adalah satu-satu cara kepada pembangunan negara. Dengan logik yang sama tetapi pendirian yang berbeza, mereka turut bertelagah bahawa proses pemodenan dan tradisional adalah saling menolak dan tidak mungkin dapat berdampingan. Perubahan peradaban Cina hanya akan berjaya jika ia merangkumi perubahan-perubahan dari segi kebendaan, institusi, adat resam, dan nilai-nilai hidup.<sup>102</sup> Pendapat ini secara langsung telah memberi pengabsahan kepada penghapusan unsur-unsur tradisional secara totalistik.

Ini dapat dibuktikan dengan merujuk kepada prinsip pembangunan yang dicadangkan oleh pelopor gerakan. Seperti Chen Duxiu, beliau telah mencadangkan enam prinsip bagi memajukan bangsa negara.

- (1) berkemerdekaan dan tidak memperhambakan diri.
- (2) berprogresif dan tidak konservatif.
- (3) beragresif dan tidak retrogresif
- (4) berkosmopolitan dan tidak terasing
- (5) berutilitarian dan bukan tiada praktikal
- (6) bersaintifik dan bukan berwawasan secara khayalan<sup>103</sup>

Daripada cadangan di atas, dengan tiada sangsinya beliau meneruskan penjelasannya bahawa untuk menjayakan prinsip-prinsip di atas, Konfusianisme mesti dicampak keluar kerana ia mengesyorkan upacara lebihan yang tidak bermakna dan berkhutbah tentang nilai lemah-lembut yang bersikap rendah diri, ini telah menyebabkan orang-orang Cina

<sup>102</sup>Yu Yingshi, *Zhongguo Chuantong De Xiandai Quanshi* (Pengertian Baru Tradisi Cina), hlm. 48.

<sup>103</sup>Chen Duxiu, *Chen Duxiu Zhuzuoxuan* (Koleksi Pilihan Penulisan Chen), hlm. 129-138.

semakin lemah dan pasif, tidak berdaya berjuang dan bersaing dalam dunia moden. Ia mengakui keluarga sebagai unit asas bagi sesebuah masyarakat tetapi bukan individu, dan mendukung ketidaksamarataan kedudukan antara setiap individu. Selain itu, ia menegaskan ketaatan (filial piety) yang menyebabkan seseorang berserah dan bergantung. Satu ciri Konfusianisme lagi yang tidak harus diterima adalah Konfusianisme berkhutbah mengenai pemikiran yang ortodoks yang tidak bermaruah.<sup>104</sup>a

Cadangan Chen mendapat sambutan yang luas daripada golongan muda. Ia dilihat sebagai pandangan yang maju dan mampu mengembangkan peradaban Cina moden kepada status yang lebih tinggi. Dengan penelitian yang dangkal, sesuatu pendekatan yang menentang unsur kuno akan dipertimbangkan oleh kebanyakan orang-orang Cina sebagai kemajuan dan diterima dengan besar hati. Melalui media yang mencetuskan semangat seperti majalah-majalah *Aliran Baru* dan *Pemuda Baru*, pemikiran baru telah tersebar meluas dan kebebasan fikiran telah berjaya dipupuk. Selain itu, Universiti Peking juga memainkan satu pentas berkaitan pencetusan pemikiran yang baru. Dengan media inilah seruan-seruan Chen Duxiu, Hu Shi, Lu Xun dan intelektual-intelektual lain dapat disemai ke dalam minda generasi moden. Segala ideologi yang dianggap moden seperti romatisme, liberalisme, realisme, anarkisme dan skeptisme telah membanjiri media-media yang sedia ada. Pemikiran dan institusi tradisional telah dihina dengan penuh cacian dan cemuhan. Kesemua idea baru, “isme” baru dan doktrin baru telah disanjung tinggi dengan permintaan yang besar dan penuh dengan semangat.<sup>105</sup> Keadaan ini berlaku disebabkan oleh faktor-faktor perkembangan semasa, pembalasan mereka

<sup>104</sup>a Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 46 dan hlm. 302.

<sup>105</sup>Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 182.

terhadap Barat boleh dibahagikan kepada tiga tahap. Pada mulanya, pemimpin-pemimpin Cina memutuskan peradaban Cina hanya perlu mempelajari unsur kebendaan daripada Barat, tetapi selepas beberapa ketika, mereka mendapati pengubahsuaihan dalam institusi dan undang-undang juga diperlukan. Semasa Gerakan 4 Mei, jelas kelihatan idea-idea dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam teknologi dan institusi Barat seperti falsafah, etika, sains, kesusasteraan, dan kesenian perlu dipelajari secara keseluruhan. Inilah asas kesedaran bagi pemikir-pemikir baru untuk mengkritik Konfusianisme dan peradaban tradisi dengan kejam.<sup>106</sup>

Daripada prinsip-prinsip yang dikemukakan, Gerakan 4 Mei telah memberi satu perwatakan yang bersikap anti-tradisionalisme. Pemberontakkan harta khazanah kebudayaan tradisional Cina yang dilancarkan oleh gerakan ini merupakan satu titik permulaan kepada sejarah pasca-tradisional Cina. Secara amnya skop serta kedalamannya anti-tradisionalisme adalah unik dalam sejarah moden. Ia merupakan satu gerakan anti-tradisionalisme yang begitu radikal sehingga dapat dijustifikasi sebagai tentangan yang totalistik.<sup>107</sup> Pentangan totalistik ini bermaksud suatu penolakan dengan sepenuhnya terhadap sosial dan kebudayaan tradisional Cina dan ia terserah kepada sesuatu ideologi yang tertentu.

#### 4.4 SEKATAN OLEH IDEOLOGI

Gerakan 4 Mei boleh dikirakan sebagai revolusi yang melibatkan sosial, politik dan keintelektualan; kemerdekaan bangsa dan pembebasan individu adalah matlamat

<sup>106</sup>Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 327.

<sup>107</sup>Lin Yusheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Anti-Traditionalism in the May Fourth Era*, hlm. 6.

yang hendak dicapai, lebih-lebih lagi berhasrat mencipta peradaban moden melalui penilaian yang kritikal dan saintifik ke atas harta khazanah yang berselisih dengan peradaban Barat. Pemikir-pemikir baru Cina ini berkeinginan mengubah semua aspek peradaban Cina. “Wholesale Westernization” telah disarankan oleh Hu Shi pada tahun 1929. Kedua-dua perkataan “wholesale acceptance” dan “whole-hearted acceptance” saling bergantian dalam satu petikan yang bertajuk “Konflik Peradaban,” yang diterbit di Shanghai dalam buku *China Christian Year Book* pada tahun 1929. Dalam ucapan yang disampaikan olehnya pada konferens keempat yang dianjurkan oleh *Institut of Pacific Relations* (di mana beliau berjawatan presiden) di Hangzhou dan Shanghai, 1931, beliau telah menasihati supaya peradaban Cina harus menerima pembaratan dengan sepenuh hati dan tidak ketinggalan memulakan usaha pemodenan ini supaya menghidupkan kebudayaan kuno semula.<sup>108</sup> Dengan slogan ini, Hu telah melakukan kesilapan dari segi amalannya. Sungguhpun slogan ini mudah diwar-warkan, ketidakmungkinan untuk menerima peradaban lain secara menyeluruh telah menimbul pelbagai elemen yang bercanggahan.

Walaupun seruan pelopor-pelopor Gerakan 4 Mei kelihatan terlampaui dan susah diterima bagi sesiapa yang panjang akalnya, ia telah bersesuaian dengan kebelakangan masyarakat dan menjadi retorik yang paling masyhur. Slogan “wholesale westernization” telah berganding dengan “Encik Demokrasi” dan “Encik Sains,” dan dengan bersama-sama menawan semua pemikiran yang konservatif daripada golongan tradisionalisme. Perkembangan arus pemodenan ini berleluasan sehingga keberkesanan penghancuran

---

<sup>108</sup> Lin Yusheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Anti-Traditionalism in the May Fourth Era*, hlm. 82.

elemen purba melebihi pembinaan demi masa depan.<sup>109</sup> Intelektual-intelektual muda secara buta-butaan menyambut semua fikiran Barat tanpa mempersoalkannya. Kedua-dua golongan tradisionalisme dan anti-tradisionalisme yang saling “bermusuhan”, masing-masing menuntut kebenaran daripada peradaban zaman kuno dan peradaban Barat untuk mendapat tongkat bagi peradaban Cina yang tua-tua ini. Mungkin disebabkan oleh kelalaian tersebut, kedua-dua kelakuan telah meninggalkan cabaran besar terhadap perkembangan peradaban bagaikan orang buta kehilangan tongkat sebenarnya.

Walau bagamanapun, kedua-dua pihak mengandungi persamaan yang diwarisi daripada tradisi. Satu keistimewaan peradaban Cina ialah keunikian pemikiran yang menghubungkan satu generasi dengan generasi yang lain. Ini boleh disebutkan sebagai paradigma dan diertikan sebagai struktur pendalam. Benjamin I. Schwartz menerangkan keadaan ini merupakan ruang suci (sacred space) yang mampu mengawal dan mengubahsuai seseorang individu dan masyarakat. Ini bermakna kedudukan itu sendiri lebih penting daripada seseorang yang mendudukinya. Tetapi ia hanya berkesan jika ia dijalankan oleh seseorang wakil yang berkuasa. Justeru itu, institusi Cina yang tidak mampu membuat perubahan dan ia terpaksa bergantung kepada seseorang yang disimbolkan dengan kekuasaan. Maka ini telah menghasilkan penyatupaduan keagamaan dan politik.<sup>110</sup> Dengan paradigma ini, pemikir-pemikir baru ataupun tradisional Cina sering mempunyai pandangan alam yang menyeluruh dan berpendapat segala masalah

---

<sup>109</sup> Immanuel C.Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm. 601.

<sup>110</sup> Yu Yingshi, *Zhongguo Lishi Zhuanxing Shiqi De Zhishi Fenzi* (Kaum Intelektual Cina Dalam Titik Perubahan Sejarah), hlm. 23.

Cina adalah disebabkan oleh satu faktor serta hanya mampu diselesaikan dengan satu cara secara keseluruhannya.

Daripada kebanyakan pendapat pelopor Gerakan 4 Mei, keruntuhan peraturan bukan hanya akibat daripada krisis politik, bahkan ia adalah lebih mendalam dan lebih besar dari segi dimensi keintelektualan. Kita mendapati kosmologi institusi kerajaan Cina adalah berdasarkan simbol kosmologi yang rumit, dengan keadaan ia bukan sahaja berfungsi untuk mentafsirkan peraturan politik, tetapi juga membentuk sebahagian daripada simbol orientasi (orientational symbolism). Simbol orientasi ini mentafsirkan kehidupan dan keduniaan dalam erti yang lebih meluas. Oleh itu, penamatan kosmologi kerajaan telah mendatangkan perpecahan dan akibat yang tidak baik yang lebih mendalam dan melebihi peraturan politik. Tradisi Cina adalah tradisi lain yang berkualiti tinggi, yang membentuk satu makna kesejagatan kepada insan yang tinggal dalamnya. Fungsi simbol orientasi adalah untuk menetapkan kemantapan dan peraturan dalam makna yang berkesejagatan. Mereka telah memainkan peranannya dengan mengizinkan orang-orang Cina membina rangka kerja dan perspektif dalam diri mereka, masyarakat, dan kosmos dengan peraturan yang dianggap bermakna secara keseluruhan. Lebih khusus lagi, orang-orang Cina telah bergantung kepada simbol-simbol ini untuk memelihara pandangan alam di mana sebagai pedoman kosmos yang boleh difahami. Semua perhubungan masyarakat dan nilai masyarakat telah menyediakan minda orang-orang Cina dengan suatu peraturan kewujudan yang am. (general order of existence).

Oleh hal yang demikian, apabila berhadapan dengan kejatuhan peraturan politik, kebanyakan pemikir baru secara terang-terang berpendapat masalah-masalah ini hanya dapat diselesaikan dengan satu jalan yang menafikan segala elemen tradisi dan menggantikannya dengan unsur-unsur yang baru daripada Barat. Lin Yusheng menyatakan pemikiran sebegini adalah disebabkan oleh pemikiran mono mod (monistic mode of thinking). Corak pemikiran ini telah mempengaruhi intelektual anti-tradisionalisme menganggap Cina sebagai penyelarasan peradaban yang bukan perbadanan organik, dan ia tidak dapat berpecah dan berkembang secara bersendirian. Ini biasanya diterima oleh pejuang-pejuang negara generasi pertama pada 1890an, manakala bagi generasi kedua yang selepasnya, peradaban Cina telah dianggap sebagai perbadanan yang berorganik dan tergabung.<sup>111</sup> Walau bagaimanapun, menurut kedua-dua ideologi ini hanya satu keputusan yang totalistik untuk menyelesaikan masalah peradaban Cina.

Pemikir-pemikir Gerakan 4 Mei berpendirian anti-tradisionalisme tetapi mereka telah mewarisi pemikiran tradisional, iaitu suatu mod fikiran yang monistik, holistik, dan intelektualistik<sup>112</sup> Berbeza dengan teori-teori perubahan yang ditegaskan dalam kuasa politik, dan syarat-syarat masyarakat atau mod produksi ekonomi, mereka pula lebih menekankan perubahan-perubahan keintelektualan dan kebudayaan daripada perubahan politik, sosial, dan ekonomi. Dengan sebutan yang lebih baik, pendekatan ini merupakan kebudayaan—intelektualistik, dan kepercayaannya adalah perubahan kebudayaan

---

<sup>111</sup>Lin Yusheng, *Zhongguo Chuantong De Zai Chuangzao Zhuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina), hlm. 150.

<sup>112</sup>Lin Yusheng, *Zhongguo Chuantong De Zai Chuangzao Zhuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina), hlm. 156.

merupakan asas kepada perubahan yang lain.<sup>113</sup> Mereka percaya bahawa segala perubahan dalam peradaban Cina akan berjaya jika diubahkan asasnya. Ia bermaksud sepatutnya terdapat satu punca kepada perubahan-perubahan lain. Andaian kebudayaan—intelektualistik merupakan cara pendekatan kepada masalah politik dan sosial yang menegaskan perubahan dalam bidang intelektual dan kebudayaan juga diutamakan.<sup>114</sup>

Mod fikiran bukan secara langsung dipengaruhi oleh pemikiran Barat, namun pendekatan ini telah terterap dengan idea-idea baru. Lebih tepat lagi ia merupakan warisan daripada tradisi yang dikenali sebagai ‘bangsa budaya’ yang mementingkan peranan intelektual. Pendekatan kebudayaan—intelektualistik merupakan satu potensi yang membawa mod fikiran yang holistik, iaitu intelektualistik—holistik, dengan keadaan ia memandang masyarakat tradisi Cina dan kebudayaannya sebagai satu entiti organik. Dengan pendekatan ini, mereka mengandaikan pembentukan peradaban Cina adalah ditetapkan oleh satu unsur yang bagaikan gen-gen organisma yang dapat melahirkan corak bentuk semula jadinya. Jadi, pemikiran holistik inilah yang mengakibatkan lahirnya gerakan *totalistic iconoclasm* (ikonoklasme dengan keseluruhan) dan *totalistik anti-tradisionalism* (anti-tradisionalisme secara keseluruhan).

<sup>113</sup>Lin Yusheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Anti-Traditionalism in the May Fourth Era*, hlm. 26.

<sup>114</sup>Dari ertiannya, mod fikiran ini (atau kategori analisis) adalah suatu idea yang berkenaan dengan cara pendekatan kepada masalah perubahan sosial dan politik. Tetapi idea ini digunakan secara dramatik, ia berbeza dengan penggunaan yang statik, seperti idea persamaan kualiti antara manusia—semua adalah anak Tuhan—daripada Lockean liberalisme. Oleh itu, ia lebih sesuai dirujuk sebagai mod fikiran. Dipetik daripada Lin Yusheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Anti-Traditionalism in the May Fourth Era*, hlm. 26.

Setakat ini, dilema yang dihadapi oleh peserta-peserta Gerakan 4 Mei menjangkau tahap yang paling mengelirukan dan menyesatkan. Kekhilafan yang dilakukan oleh mereka menimbulkan pelbagai percanggahan sama ada daripada saranan-saranan, idea-idea, ataupun prinsip-prinsip ketika membuat pertimbangan terhadap masalah dan cara penyelesaian masalah peradaban Cina moden. Walaupun pendekatan-pendekatan untuk menyelamatkan peradaban Cina bertapak di atas kerasonalan yang menyedapkan hati, kebanyakannya juga tersimpang daripada pengusulan secara rasional juga.

#### **4.5 SESAT DALAM JALAN MEMBANGKITKAN PERADABAN CINA SEMULA**

Sesetengah falsafah seperti liberalisme dan pragmatisme yang diangkat-angkat oleh sebahagian orang-orang Cina terutamanya golongan intelektual baru Gerakan 4 Mei seperti Hu Shi dan pengikut-pengikutnya tidak dapat diamalkan dan diterangkan dengan tepat berkenaan prinsip masing-masing. Mereka menyanjungi liberalisme yang mengutarakan kebebasan sedangkan mereka membuat permintaan untuk menafikan nilai tradisional agar ia dapat membaratkan peradaban Cina secara menyeluruh.<sup>115</sup> Tambahan pula, liberalisme Barat ialah ideologi yang menekankan nilai-nilai moral, tetapi di samping menyanjungi liberalisme, mereka menolak semua nilai moral tradisional. Selain bercanggah dengan ideologi baru ini, gerakan itu juga meninggalkan keadaan konflik kerana nilai-nilai moral adalah sebakti dengan adat resam pada zaman dahulu.<sup>116</sup> Percanggahan ini turut dilakukan oleh Hu semasa beliau menerima pragmatisme Dewey.

---

<sup>115</sup> Lin Yusheng, *Zhongguo Chuantong De Zai Chuangzao Zhuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina), hlm. 149.

<sup>116</sup> Gu Xin, *Zhongguo Qimeng De Lishi Tujing* (Imej Sejarah Kesedaran Cina), hlm. 104.

Beliau mengatakan suatu matlamat yang agresif boleh dicapai melalui cara reformasi yang perlahan-perlahan iaitu **ciri pengamalan pragmatisme**.<sup>117</sup>

Dengan itu, ikonoklasme Hu dan idea-ideanya sudah awal diterima daripada John Dewey yang kurang memperlihatkan pertimbangan yang baik, malah ia menunjukkan bahawa reformisme evolusi beliau menjadi satu penegasan yang formalisme semata-mata.<sup>118</sup> Jelasnya, dari segi pemikiran, Gerakan 4 Mei merupakan suatu zaman yang konflik, mamandangkan ia menegaskan pengetahuan baru, dan mengetengahkan kerasionalan, tetapi sebenarnya ia adalah zaman agresif yang meluap-luap. Secara kasarnya, ia berpedoman kesedaran rasional kebaratan tetapi sebenarnya ia adalah zaman yang penuh dengan warna-warni romantik.<sup>119</sup> Walaupun menurut penerangan Hu, “wholesale westernization” merupakan satu slogan yang bertujuan supaya merendahkan diri untuk mempelajari pengetahuan daripada Barat.<sup>120</sup> Selain itu, liberalisme hanya satu batu loncatan tetapi bukan tujuan dalam proses penyelamatan peradaban Cina.<sup>121</sup> Namun, pemikir-pemikir muda ini tetap membuat kesilapan yang bercanggahan dan sulit dijelaskan secara saksama oleh mereka sendiri. Dengan perasaan yang dinyala-nyalakan dengan nilai-nilai moral dan autonomi moral, mereka menolak semua unsur tradisi termasuk nilai-nilai moral. Dengan pertimbangan yang rasional mereka tetap ghairah menghidupkan nyawa yang romantik.

---

<sup>117</sup>Lin Yusheng, *Zhongguo Chuantong De Zai Chuangzao Zhuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina), hlm. 192-193.

<sup>118</sup>Lin Yusheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Anti-Traditionalism in the May Fourth Era*, hlm. 153.

<sup>119</sup>Yu Yingshi, *Wusi Xinlun* (Perbincangan Baru Tentang Gerakan 4 Mei), hlm. 34.

<sup>120</sup>Gu Xin, *Zhongguo Qimeng De Lishi Tujing* (Sejarah Renaisans Cina), hlm. 138.

<sup>121</sup>Gu Xin, *Zhongguo Qimeng De Lishi Tujing* (Sejarah Renaisans Cina), hlm. 164.

Sungguhpun elemen-elemen tradisional adalah dianggap tolol pada zaman moden, namun *charisma of virtue* telah menjadi daya motivasi kepada mereka. Oleh itu, kematian Liang Ji (1858-1918) selepas keruntuhan Dinasti Qing telah mendapat penghormatan yang tinggi daripada pejuang-pejuang muda negara.<sup>122</sup> Jelas dilihat, pengetahuan sains barangkali tidak digunakan sebagai kayu pengukur untuk membuat penilaian ke atas segala kewujudan tradisi, walhal ia dipuji-puji. Fenomena yang tidak dapat dihilangkan ialah keutamaan kerohanian dan moraliti masih dititikberatkan. Sebagaimana yang dinasihat oleh Lu Xun kepada pembaca-pembacanya, kerohanian adalah sangat penting terhadap pembangunan. Beliau berkata bahawa, ketenteraan hanya untuk pertahanan, sekiranya ia tidak dilengkapi dengan kerohanian baru dan asas peradaban yang kukuh, maka ia tiada berkesan terhadap peradaban Cina moden.<sup>123</sup>

Sementara intelektual-intelektual baru menafikan tradisi secara totalistik, kecemerlangan peradaban yang dahulu masih acap-acap mencuit hati patriotik mereka . Mereka dikerah mengakuri pencapaian peradaban Cina pada zaman dahulu. Pernyataan bahawa tamadun Cina pernah menikmati pencapaian yang tinggi bukan sembarang sahaja. Ia bukan desakan peribadi, malah ia memang terbukti dan diakuri oleh Chen Duxiu<sup>124</sup>. Gerakan 4 Mei memang satu tindakan terhadap usikan imperialisme, jadi tidak hairanlah nasionalisme yang berbara-baru itu ialah satu reaksi yang berpunca daripada perasaan cinta akan tanah air mereka. Asal-usulnya berkait dengan kewajiban yang

<sup>122</sup>Lin Yusheng, *Zhongguo Chuantong De Zai Chuangzao Zhuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina), hlm. 207.

<sup>123</sup>Lu Xun, *Wenhua Bianzhi Lun (On Extremities In Cultural Development)*, *Fen* (The Grave), LHCC, 1:180.

<sup>124</sup>Lin Yusheng, *Zhongguo Chuantong De Zai Chuangzao Zhuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina), hlm. 151.

hendak membina kembali jati diri kenegaraan dan kebangsaan yang tidak dapat dipisah daripada pertalian dengan masa silam tamadun itu. *Nian jiu* (cherishing old ties) biasanya digunakan untuk menggambarkan emosi ketegangan yang dihadapi seseorang Cina yang mencintai tanah airnya. Jika kita meneliti perasaan Lu Xun, ketegangan ini bukan sahaja wujud di antara emosi dan keintelektualan tetapi dalam kedua-dua lingkungan keintelektualan dan kemoralan masing-masing yang disebabkan oleh pertimbangan rasional dan prihatin terhadap moraliti. Dengan kewajiban dan kemoralan seseorang yang bertanggungjawab, Lu secara serentak terdedah kepada ketegangan yang kuat dalam totalisme ikonoklastik dan nilai-nilai tradisi Cina. Konflik ini tidak semata-mata disebabkan oleh percanggahan yang formal ataupun fikiran logik tetapi terwujud dalam kesedarannya. Sepanjang hidupnya, Lu boleh difahami dengan perasaan *nian jiu*.<sup>125</sup> Rata-ratanya, seperti rakyat Cina lain, beliau turut menemui penderitaan hati yang sama, beliau dididik dengan ajaran tradisi dan beliau menyukai cerita dongeng, drama, dan lukisan tradisional.

Lu mendapati elemen-elemen yang terkandung dalam kebudayaan dan nilai-nilai moral tradisi adalah bermakna, malangnya sikap yang positif terhadap kedua-dua budaya Barat dan Cina tidak dapat memimpin beliau mencari kemungkinan bagi penciptaan transformasi tradisi Cina.<sup>126</sup> Lin Yusheng menghuraikan,

Lu terus memegang nilai *nian jiu* dalam kehidupan peribadi yang tersirat dalam akalnya, malah berat hati hendak menyatakannya, namun untuk beliau diri sendiri; kerana untuk melakukan demikian ia

<sup>125</sup>Lin Yusheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Anti-Traditionalism in the May Fourth Era*, hlm. 142-149.

<sup>126</sup>Lin Yusheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Anti-Traditionalism in the May Fourth Era*, hlm. 105.

memerlukan justifikasi yang terungkap sepenuhnya yang berdasarkan asas baru, rangka sistem peradaban yang tidak dapat diperoleh oleh beliau.<sup>127</sup>

Kecanggungan pegangan telah menyembulkan para intelektual baru Gerakan 4 Mei berada dalam keadaan krisis haluan. Sekalipun mereka mengetahui kekurangan dan kebaikan peradaban Barat dan Cina masing-masing, tetapi cara penafian ke atas tradisional secara totalistik tidak ingin dihambarkan dalam emosi mereka. Kelemahan para pemimpin gerakan pada zaman itu telah menjadikan penafian totalistik sebagai satu nilai dalam perjalanan memantapkan fikiran mereka. Bertemu dengan masalah yang melilit pinggan, mereka berkeadaan “anomie,” bermakna para pemimpin mengalami keruntuhan seluruh sistem etika;<sup>128</sup> ataupun bermaksud satu situasi yang tidak stabil yang mengisikan pendirian mereka dengan apa sahaja yang bertentangan dengan pemoralan dan penginstitusian yang sedia ada.<sup>129</sup> Dalam situasi kekacauan ini, tanpa menanggalkan sentamaan kerasionalan mereka telah merasionalkan perbuatan penafian tradisional danenerimaan kebaratan secara totalistik sebagai satu taktik ataupun peralatan untuk membentuk kelemahan orang-orang Cina yang kolot itu. Lu Xun dan Hu Shi kedua-dua mengakui cara yang sederhana tidak sesuai dalam keadaan yang merunsingkan ini. Masalah peradaban Cina tidak akan dibereskan dengan cara dan sikap sederhana. Memandangkan sikap sederhana orang-orang Cina, Lu Xun menegaskan untuk berjaya membuka sebuah tingkap, kita terpaksa membesar-besarkan perbuatan dengan menunjukkan bahawa bumbung rumah akan dibuangkan, jadi kebenaran membuka

<sup>127</sup>Lin Yusheng, *The Crisis Of Chinese Consciousness: Radical AntiTraditionalism In The May Fourth Era*, hlm. 149.

<sup>128</sup>Talcott Parsons, *The Social System* (London: Routledge & Kegan Paul Ltd, 1951), hlm. 130.

<sup>129</sup>Robert K.Merton, *On Theoretical Sociology* (New York: The Free Press, 1967), hlm. 163.

sebuah tingkap mudah diterima.<sup>130</sup> Dengan tanggapan ini, totalistik hanya satu “tactic negotiation” supaya orang-orang Cina yang angkuh dengan peradaban mereka akan merendahkan diri dan mempelajari ilmu-ilmu dari Barat. Hu bertambah bahawa slogan “wholesale” adalah cara untuk merangsangkan kebudayaan yang malas agar membuat perubahan yang sesuai.<sup>131</sup>

Adakah tanggapan ataupun tindakan ini bermakna dan berkesan selain keikhlasan mereka dipersoalkan? Soalnya tindakan ini telah meninggalkan banyak kekurangan kepada generasi zaman ini. Pemikiran totalistik ini telah mengurangkan daya penilaian mereka terhadap ilmu-ilmu yang diterima daripada Barat. Mereka mengangung-agungkan ideologi-ideologi Barat sebelum memutalaahnya dengan teliti sehingga pelbagai percanggahan fikiran tertimbul. Sementara mendambakan satu cara penyelesaian yang terbaik untuk menghilangkan perasaan kelusuh-kelasar, tiba-tiba mereka mendapat pompongan sebagai pulangan mereka. Satu contoh yang jelas adalah nasionalisme yang ternyala dalam hati mereka tidak selaras dengan liberalisme yang ingin mereka terangkan. Mereka bersusah-payah memperoleh satu keseimbangan antara kebebasan individu dan kebebasan negara. Demi kebebasan negara, seseorang sepatutnya mengorbankan diri supaya menyumbang jasa kepada negara manakala ini telah saling bercanggahan dengan fahaman individualisme yang sepatutnya membebaskan diri sendiri sepuas-puasnya daripada semua kongkongan.<sup>132</sup>

---

<sup>130</sup>Tang Yijie, *Lun Chuantong Yu Fanchuantong* (Kritikan Mengenai Tradisi dan Antitradisi) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1989), hlm. 75.

<sup>131</sup>Gu Xin, *Zhongguo Qimeng De Lishi Tujing* (Imej Sejarah Kesedaran Cina), hlm. 137.

<sup>132</sup>Gu Xin, *Zhongguo Qimeng De Lishi Tujing* (Imej Sejarah Kesedaran Cina), hlm. 185.

Sesungguhnya percanggahan pemikiran pasti terdapat dalam proses pengamalan yang tertentu, faktor “pengideologian” telah merumitkan keadaan keperibadian dan kemasyarakatan di kalangan intelektual. Daripada akibat “pengideologian ilmu baru”, ilmu-ilmu baru yang terterap telah menjadikan perwatakan pemikir-pemikir Cina senantiasa diseret oleh ideologi yang melemahkan daya kreatif daripada ilmu itu. Contohnya, sesetengah orang menyamakan ilmu sains dengan fahaman ortodoks Cina supaya menyebarkan ikhtiar pemulihan dan pengukuhan negara. Selanjutnya, mereka akan mengideologikan pemikiran akademik Barat dan Cina termasuk ilmu sains yang sepatutnya bernilai neutral, tetapi ia dijadikan “saintisme” yang bercirikan ideologi yang mengongkong pemikiran mereka.<sup>133</sup>

Walaupun bagaimanapun, sebenarnya Hu berpandangan jauh bahawa sains tidak patut menjadi satu kepercayaan tahuyl baru. Beliau menekankan cara saintifik dan kerohanian sains yang lebih mendalam supaya manusia mampu menyelesaikan masalah dengan saksama dan mendekati kebenaran dengan adil.<sup>134</sup> Tetapi pada masa itu, para reformis berkepercayaan sains adalah satu entiti ideologi yang diimport untuk menggantikan nilai-nilai peradaban kuno tanpa penelitian entiti sains.<sup>135</sup>

---

<sup>133</sup>Secara amnya, saintisme beranggapan bahawa segala aspeks dalam alam tabii dapat difahami melalui cara sains. Penyokong-penyokong kepada pandangan saintifik di negara China biasanya terdiri daripada bukan saintis dan ahli falsafah sains. Mereka adalah intelektual-intelektual yang berminat dengan kegunaan dan nilai-nilai sains, dan dengan tanggapan yang menyebabkan mereka manafikan dan berniat menggantikan nilai-nilai tradisi. Maka saintisme boleh ditimbangkan sebagai kecenderungan untuk menggunakan kualiti terhormat sains dalam sesetengah bahagian yang sedikit berkaitan dengan sains.

<sup>134</sup>Hou Kok Chung, *Hu Shi: A Pragmatist and Reformist*, hlm. 110.

<sup>135</sup>Kwok, D.W.Y., *Scientism in Chinese Thought 1900-1950* (New Heaven: Yale University Press US Mass, 1965), hlm. 12.

Dalam keadaan yang terseksa oleh kuasa-kuasa lain, bangsa Cina berhadapan dengan krisis kehidupan, keruntuhan kuasa kerajaan, dan ideologi turut menemui krisis autoriti. Oleh itu, nilai-nilai sains dan demokrasi telah menjadi satu simbol kepercayaan yang digunakan untuk menggantikan Konfusianisme, tidak kira evolusisme ataupun empirisme, masing-masing juga bernilai neutral di Barat. Akan tetapi ia telah menjadi ideologi, pandangan hidup dan sebagai perkakas semata-mata untuk menyelamatkan negara sebaik sahaja sampai ke negara China.<sup>136</sup> Oleh itu, adalah tidak keterlaluan dikatakan jikalau sejarah Cina moden merupakan suatu sejarah ideologi.<sup>137</sup> Dengan suatu ideologi yang kejang dan kekurangan pengetahuan yang mendalam, Gerakan 4 Mei teranjur dengan zaman yang romantik, keyakinan mereka adalah terlalu cetek dan tidak kukuh. Mereka tidak menelaah fahaman “isme” dengan mendalam bahkan kebanyakan daya gerakan adalah berpunca daripada pegangan moral yang beremosi dan berautonomi.<sup>138</sup>

Pengideologian sesuatu “isme” memang menghalang pemikir-pemikir baru daripada menimbang sesuatu masalah dan ilmu dengan lebih objektif dan kreatif. Sungguhpun, perbahasan Hu Shi dengan Li Dazhao (1889-1927) mengenai “isme dan masalah” menunjukkan mereka menyedari risiko menerima sesuatu ilmu Barat dengan meluru, tindakan mengideologikan ilmu-ilmu tertentu mengakibatkan mereka kehilangan daya mencipta dan kebijaksanaan membuat analisa terhadap ilmu tradisional. Walaupun Hu tepat mengingatkan orang-orang Cina supaya “berani meragui sesuatu tetapi teliti

<sup>136</sup>Gu Xin, *Zhongguo Qimeng De Lishi Tujing* (Imej Sejarah Kesedaran Cina), hlm. 189.

<sup>137</sup>Yu Yingshi, *Zhongguo Chuantong De Xiandai Quanshi* (Pengertian Baru Tradisi Cina), hlm. 72.

<sup>138</sup>Lin Yusheng, *Zhongguo Chuantong De Zai Chuangzao Zuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina), hlm. 306.

membuat pengajian,” tetapi akibat kekejangan berpegang pada ideologi pramagtisme, beliau telah gagal memberi cara penyelesaian yang konkret terhadap masalah negara.<sup>139</sup> Hakikatnya, Hu sendiri mempercayai cara penyelesaian yang bergantung kepada “pembaratan keseluruhan” adalah terbaik di mana ia berkontradik dengan pragmatisme yang dipercayainya. Namun, pemimpin-pemimpin gerakan menyedari bahawa “isme” atau ilmu tertentu mempunyai latar belakang kebudayaan dan aspek kerohanian serta kemoralan tersendiri, dan peniruan ilmu tidak akan menghasilkan kejayaan yang besar.<sup>140</sup> Dengan sikap yang agresif, faktor pengideologian ilmu telah melunturkan jiwa intelektual yang inovatif.

Dakwaan bahawa pengetahuan fizik, kimia, dan sains mekanik serta industri adalah pendidikan yang hanya berhak ditelitian adalah komen-komen yang biasa dipaparkan dalam media pada semasa itu. Dengan tumpuan ini, teori dan penciptaan baru diutamakan sepanjang masa, maka kebahagiaan manusia dapat dihasilkan dan cara ini dapat mendatangkan kemajuan terhadap seluruh dunia. Komen-komen yang mendakwa bahawa ilmu saintifik industrialisme adalah sempurna memang jelas membayangkan keazaman menyelamatkan negara yang kurang rasional.

Sebarang peralatan pemikiran ataupun metodologi akan dirasuk dengan kuasa yang “total.” Ia disalahtafsirkan sebagai matlamat tertinggi keseluruhan sesuatu gerakan. Oleh sebab itu, setiap reformasi dalam gerakan itu akan dicampakkan dengan berlebihan sehingga tidak setara dengan perancangannya. Ini menyebabkan pencapaian Gerakan 4

<sup>139</sup> Yu Yingshi, *Zhongguo Chuantong De Xiandai Quanshi* (Pengertian Baru Tradisi Cina), hlm. 569.

<sup>140</sup> Hou Wailu, *Zhongguo Sixiang Shigang* (Sejarah Falsafah Cina) (Taipei: Wunan Tushu Chuban Gongsi, 1983), hlm. 639.

Mei tidak terelak daripada penyelewengan. Begitulah seperti apa yang berlaku ke atas Revolusi Sastera yang mendapat kejayaan yang cemerlang pada jangka masa panjang sedangkan perubahan kemajuan ini kelihatan tidak senonoh pada ketika itu.

Seperti yang dimaklumkan dalam bab ketiga, Revolusi Sastera ialah satu gerakan yang melakukan pembaharuan ke atas kesusasteraan tradisional atau klasik dari segi gaya, motivasi, isi kandungan, bahasa dan bentuk karya-karya. Revolusi Sastera adalah satu serangan yang paling menggengting ke atas unsur-unsur tradisional. Tujuannya adalah untuk meruntuhkan pemikiran klasik yang dikatakan kolot, dan menyemai pemikiran baru yang semuanya daripada pemikiran Barat melalui sastera baru. Akan tetapi, *bai hua* telah melahirkan retakan pada setiap lapisan masyarakat Cina. Semenjak Gerakan 4 Mei, mereka mempercayai pembaratan *bai hua* semakin bertambah dari segi bentuk, sintaks, dan perbendaharaan kata. Ia tidak menerangkan pertuturan tempatan seperti yang digunakan oleh penyokong-penyokongnya. Qu Qiubai menegaskan bahawa penggunaan *bai hua* adalah seperti berpakaian Eropah dan berakademik di universiti-universiti Barat seperti Universiti Oxford, Universiti Cambridge dan Universiti Columbia. Beliau menamakan *bai hua* sebagai bahasa klasik baru (*xin wen yan*) di mana ia dimiliki oleh kelas atasan, orang-orang berpelajaran Barat, intelektual-intelektual di bandar; ia bersamaan dengan *wen yan* yang sebagai bahasa kepada golongan bangsawan. Dalam petikan berjudul “Masalah kesusasteraan orang ramai,” beliau menggambarkan keadaan ini adalah disebabkan kekurangan komunikasi antara kelas atasan baru dan orang awam. Pada masa itu, seluruh rakyat negara China terdiri daripada 80 peratus petani yang

terpisah daripada kawasan ubanisasi.<sup>141</sup> Daripada kebanyakan petani adalah buta huruf, bahasa klasik bagi mereka merupakan bahasa yang aneh dan tidak praktikal. Oleh itu semua informasi atau maklumat yang hendak disampaikan kepada para petani harus diterjemahkan dahulu menjadi bahasa pertuturan harian. Akan tetapi, pada masa itu kemudahan penyebaran pengetahuan tidak berkembang dengan meluas, namun format bahasa pertuturan telah diperkenalkan.

Karya-karya sastera telah ditulis dalam *wen yan* baru (yang dinamakan *bai hua*) adalah seperti bangkuet yang disediakan untuk golongan bangsawan yang telah “diEropahkan” (Europeanized) untuk menyeronokkan mereka. Golongan bangsawan tersebut telah mencipta *wenyan* baru Eropah... Orang biasa tidak mampu memahami hasil-hasil kerja ini bagaikan mereka tidak memahami teks dan sajak zaman dahulu kala.<sup>142</sup>

Akibatnya, satu bentuk “bahasa skrizofrenie” dikembangkan dengan keadaan pihak sosialis (kiri) menunjukkan kekecewaannya. Ia bukan sahaja memisahkan elit moden dengan elit tradisional seperti yang berlaku pada Gerakan 4 Mei, tetapi lebih prihatin, ia telah memisahkan elit moden dengan orang awam. Seperti elit lama, ia masih hidup dan bertutur dengan kebanyakan gaya tradisional.

<sup>141</sup>Immanuel C.Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm. 90.

<sup>142</sup>Benjamin I. Schwartz, *Reflections on the May Fourth Movement*, hlm. 86-87.

#### **4.6 PENUTUP**

Jelasnya, kelemahan-kelemahan para pejuang Gerekan 4 Mei bukan sia-sia dicanangkan, tetapi dengan kekurangan keintelektualan dan batasan-batasan zaman itu, tindakan-tindakan mereka sering dipandang serong serta usaha-usaha mereka tersimpang daripada matlamat yang ditetapkan. Tambahan dengan keadaan terdesak, kerasionalan para intelektual dalam isu pertamadunan telah disorok emosi yang kurang sihat. Dengan tidak disedari, ideologi atau bentuk cara pemikiran tradisional dan sentimen nasionalisme telah mengehadkan usaha-usaha mereka daripada lebih berkesan dilancarkan. Seterusnya, di samping berdampingan dengan konsep demokrasi, idea-idea yang dicambah dan dibuat oleh pemimpin-pemimpin moden sepanjang masa itu telah meninggalkan peluang dan jalan selok-belok yang berhubung dengan kelahiran sosialisme Cina, iaitu pemerintah komunis yang menentukan perkembangan peradaban Cina selanjutnya.